

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG
WEI SHIEN [JULAU]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan mengapakah terdapat kawasan-kawasan di pedalaman Sarawak yang mendapat liputan perkhidmatan telefon bimbit tetapi tiada liputan perkhidmatan internet walaupun wujudnya menara komunikasi di kawasan-kawasan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada peringkat awal penyediaan perkhidmatan komunikasi di sesetengah kawasan di negeri Sarawak adalah lebih tertumpu kepada penyediaan perkhidmatan suara dan penghantaran pesanan ringkas. Oleh yang demikian, pada masa itu hanya teknologi 2G dan 3G yang dipasang di mana keupayaan penghantaran data adalah sangat rendah. Disebabkan perubahan penggunaan perkhidmatan komunikasi yang lebih kepada penghantaran data, maka kawasan-kawasan tersebut kerap mengalami gangguan untuk mengakses internet disebabkan oleh kapasiti data yang terhad melalui teknologi 2G dan 3G terutamanya kawasan yang menggunakan teknologi satelit (VSAT) sebagai rangkaian teras.

2. Dengan pembudayaan norma baharu dalam komuniti, penggunaan jalur lebar mudah alih berkelajuan tinggi didapati telah meningkat berdasarkan keperluan semasa. Oleh yang demikian, melalui pelan JENDELA yang sedang dilaksanakan, terdapat inisiatif untuk menaik taraf menara-menara yang masih menggunakan teknologi 2G dan 3G kepada teknologi 4G secara berperingkat di seluruh negara. Ini adalah termasuk di negeri Sarawak yang melibatkan sebanyak 2,041 alat pemancar komunikasi sedia ada yang akan dinaik taraf kepada teknologi 4G.

3. Walau bagaimanapun, segala inisiatif pembangunan infrastruktur digital ini memerlukan kerjasama dari semua pihak, terutamanya di peringkat Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk pemudahcaraan proses dan kelulusan bagi projek-projek yang telah dirancang untuk dilaksanakan.